

**ADAB DAN PERLAKUAN DALAM WAJAH SEORANG WANITA
SERTA KAITANNYA DENGAN SYAIR SITI SIANAH
THE MANNERS AND BEHAVIOURS IN TEXT OF WAJAH SEORANG
WANITA AND IT RELATION TO THE SYAIR OF SITI SIANAH**

Ani Haji Omar

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
ani.omar@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

“Jika hendak mengenal orang berbangsa lihat kepada budi dan bahasa, jika hendak mengenal orang bahagia sangat memeliharakan yang sia-sia, jika hendak mengenal orang mulia lihatlah kepada kelakuan dia, jika hendak mengenal orang yang berilmu bertanya dan belajar tiadalah jemu, jika hendak mengenal orang yang berakal di dalam dunia mengambil bekal, jika hendak mengenal orang yang baik perangai lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai”. Demikian “Gurindam Fasal yang Kelima” karya Raja Ali Haji dapat menggambarkan betapa idealnya watak utama Siti Musalmah dalam *Wajah Seorang Wanita* karya S.Othman Kelantan. Namun untuk kertas kerja ini pengkaji akan memberi tumpuan kepada persoalan adab dan kelakuan daripada *Syair Siti Sianah* karya Raja Ali Haji juga dan kaitannya dengan gambaran watak-watak utama dan sampingan dalam novel ini. Antara adab dan perlakuan yang dibincangkan ialah adab terhadap kedua ibu dan bapa, adab terhadap saudara, adab ibu bapa mengasuh anak, adab terhadap hamba (orang gaji) dan adab isteri terhadap suami. Tidak keterlaluan jika dikatakan perbincangan topik ini sesuai

dengan pendapat S. Othman Kelantan (1985:3) yang menyatakan novel sebagai satu bentuk cerita memaparkan kebenaran dan kehidupan realiti yang diadunkan dengan imaginasi, imitasi, ilusi dan fantasi. Semua adunan itu diwujudkan melalui media bahasa sebagai alat untuk melukiskan kehidupan manusia.

Kata Kunci: Adab, Syair Siti Sianah, Ibu bapa, Suami isteri, Saudara

ABSTRACT

*“If you wish to know a civilized man look at his manner and language, if you wish to know a happy man it is he who uses his time well, if you wish to know a good man look at his behavior, if you wish to know a wise man it is he who constantly asks and learns, if you wish to know a man who is clever it is he who collects provisions, if you wish to know a well-mannered man it is he who knows how to mingle with people.” This is an excerpt from “Gurindam Fasal yang Kelima” by Raja Ali Haji that reflects the idealistic characteristics of the protagonist Siti Musalmah in *Wajah Seorang Wanita* by S.Othman Kelantan. However, in this paper the researcher focuses on manner and behavior from the poetic songs of Siti Sainah by Raja Ali Haji and their relationships with portrayals of the main and minor characters in the novel. Some of the manners and behaviours discussed are manners towards the parents, relatives, the manners of parents in raising children, the manners towards servants, and the manners of wife towards the husband. Suffice to say that the topics is suitable with opinions proposed by S. Othman Kelantan (1985:3) who states that novel is a story that reflects truths and the reality of life moulded with imagination, imitation, illusion and fantasy. All these ingredients are mediated through language as the instrument to sketch the reality of life.*

Keywords: Manners, Poetic Songs of Siti Sianah, Parents, Husband-wife, Relatives

PENGENALAN

Wanita selamanya menjadi tumpuan, objek dan subjek dalam genre kesusasteraan sama ada prosa mahupun dalam puisi. Namun ia berbeza apabila memperkatakannya dari sudut mata lelaki berbanding di mata pena seorang wanita sendiri. Ini kerana wanita akan memperkatakan sesuatu berdasarkan pengalaman yang pernah mereka alami sendiri atau mengikut jiwa rasa dari citra kewanitaan mereka. Berbanding dengan lelaki yang memperkatakan tentang wanita daripada perspektif diri mereka. Demikianlah halnya dengan novel *Wajah Seorang Wanita* karya S.Othman Kelantan. Siti Aishah Murad (2012:391) menyatakan dalam konteks kesusasteraan Melayu secara umumnya yang didominasi oleh penulis lelaki, boleh dikatakan jarang mengemukakan wanita sebagai watak utama yang tegar tetapi lebih menyenangi wanita sebagai watak air mata dan juga watak-watak lain yang lebih ke arah imej wanita negatif. Berbeza dengan S.Othman Kelantan menawarkan kita untuk menghayati watak yang berbeza. Terserlah daripada pemikiran Sasterawan Negara ke-9 ini memaparkan citra wanita bersifat terpuji, tawakal dan takwa, dapat menghadapi pancaroba hidup dan akhirnya berjaya.

Sohaimi Abdul Aziz (2012:411) menyatakan *Wajah Seorang Wanita* memaparkan ruang perjalanan seorang wanita dari kecil sehinggalah ke akhir hayatnya. Dalam ruang perjalanan ini wanita tersebut telah memperlihatkan peranan yang berbeza-beza sesuai dengan statusnya. Peranan yang berbeza ini boleh diteliti bagi menemukan identitinya. Dharmawijaya (1998:156) menyatakan manusia dan alam persekitarannya adalah sumber penting penciptaan atau penghasilan prosa mahupun puisi. Dalam hubungan ini, wanita sebagai golongan manusia bukan sahaja telah lama tetapi juga begitu luas terungkap dalam pelbagai genre. Pengungkapan tersebut, terlihat jelas sejak kesusasteraan Melayu wujud serta berkembang melalui tradisi lisan sehingga kini yang dikenali sebagai tradisi tulisan. Makalah ini selanjutnya akan memberi tumpuan kepada persoalan adab dan perlakuan watak-watak penting dalam novel ini terutamanya watak Siti Musalmah

dan pengkaji akan mengaitkan pula dengan adab dan perlakuan seperti mana yang disarankan dalam Syair Siti Sianah karya Raja Ali Haji. Antara adab dan perlakuan yang dibincangkan dalam Syair Siti Sianah ialah adab terhadap kedua ibu dan bapa, adab terhadap saudara, adab ibu bapa mengasuh anak, adab terhadap hamba (orang gaji) dan adab isteri terhadap suami.

Wajah Seorang Wanita Karya Sasterawan Negara S.Othman Kelantan

Novel bersifat feminisme ini adalah kisah masa lalu yang diriwayatkan oleh pengkarya mengenai kehidupan keluarga dalam watak utama iaitu Siti Musalmah. Siti Musalmah wanita berhati waja, cekal, tabah dan bekerja kuat untuk membina keluarganya dalam tiga zaman, iaitu zaman Jepun, Bintang Tiga dan zaman British. Walaupun pada awal penceritaan beliau digambarkan sebagai gadis pingitan namun setelah berumahtangga dengan sepupunya Imam Omar beliau menjadi seorang wanita yang begitu berani dan dapat menempuh pelbagai cabaran dan dugaan dalam kehidupannya. Siti Musalmah dilahirkan dalam keluarga terhormat, seorang yang bijak dan digambarkan juga seorang gadis yang cantik menawan. Lahir dalam keluarga seorang guru yang terkenal dan berpengaruh. Hasil perkahwinan dengan Imam Omar mereka dikurniakan enam orang anak. Pada awal usia perkahwinan beliau telah diuji dengan kematian anak sulung yang menjadi harapan suaminya. Kemudian diikuti dengan kematian beberapa orang anak lagi. Peristiwa tragis yang digambarkan oleh pengkarya begitu berkesan sekali. Namun kerana kekuatan iman mereka menerima ketentuan Ilahi dengan redha. Siti Musalmah juga diuji dengan kematian suami di usia muda dan disaat ia memerlukannya. Namun berkat kececalan dan asuhan dari suaminya sejak awal, Siti Musalmah dapat mengambil alih perniagaan suami dengan jayanya. Kehidupan diteruskan dengan berniaga dalam pelbagai macam jenis perniagaan, yang membanggakan bagi seorang kaum wanita di zaman itu. Beliau digambarkan sebagai seorang wanita yang begitu berminat dalam perniagaan. Rasanya tidak keterlaluan jika

dikatakan begitulah hebatnya wanita dari negeri Cik Siti Wan Kembang dalam dunia perniagaan. Pengakhiran cerita pengkarya telah menamatkan riwayat watak utama ini dengan begitu ideal sekali setelah semua tugas dan amanat suaminya dapat dilaksanakan. Ketenangan watak utama dalam pengakhiran riwayatnya telah digambarkan seperti berikut; "...yang dirasakannya hanyalah suatu bayangan lain yang indah dan kekal dan abadi sudah meruangi hayatnya. Dia dapat merasakan sesuatu kehilangan daripada fikiran dan pandangannya. Tetapi dia dapat melihat suatu alam hayat yang nyata yang tetap kekal yang tetap abadi. Tinggalkan aku semuanya, dia seakan-akan berkata begitu. Aku mahu tidur dan berehat dengan lama dan tenang dan damai dan kekal dan amat rapat dengan Tuhanku. Ya Allah! (Wajah Seorang Wanita 2005: hlmn. 446).

Begitulah ketentuan Allah S.W.T, manusia sekadar mampu untuk merancang, segala keputusan di tangan-Nya. Hanya keimanan dan ketaqwaan yang kukuh, bekerja keras dan berdoa serta bertawakal manusia akan bahagia di dunia dan di akhirat nanti.

Syair Siti Sianah karya Raja Ali Haji

Syair ini mengandungi 569 rangkap. Penyelenggaranya Abu Hassan Sham (1993:86) menyatakan Raja Ali Haji memang menepati istilah pujangga kerana beliau merupakan seorang intelek yang mempunyai bakat kepengarangan dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan. Beliau bukan sahaja dikenali sebagai penulis buku sejarah tetapi juga dalam bidang tatabahasa, ketatanegaraan dan puisi. Antara puisi-puisi karya beliau ialah, "Inilah Ikat-Ikatan Dua Belas Puji", "Gurindam Dua Belas", "Syair Abdul Muluk", "Syair Hukum Faraid", "Syair Suluh Pegawai", "Syair Siti Sianah" dan beberapa buah puisi yang diselitkan di dalam Tuhfat al-Nafis, Salasilah Melayu dan Bugis, Thamarat al-Muhimmah dan Kitab Pengetahuan Bahasa.

Seperi mukadimah awal dalam teks Puisi-Puisi Raja Ali Haji (1993), penyelenggaranya ada mencatatkan bahawa Raja Ali Haji

adalah tokoh pengarang dan ulama Melayu yang unggul kerana penghasilannya dalam arana Kesusasteraan Melayu klasik, pada abad ke-19 di bawah naungan Kesultanan Melayu-Riau. Beliau bukan sahaja memperkembang dunia fiksyen Melayu dan Sastera Sejarah malah membawa ajaran tasawuf, ilmu feqah dan tatabahasa dalam karya-karyanya. Oleh itu amat tepat jika Raja Ali Haji dikatakan seorang tokoh pujangga Melayu yang memberikan dorongan intelektual kepada istana ditempat beliau berkhidmat. Sahlan Mohd Saman (1994:110) menyatakan jika mahu melihat Raja Ali Haji sebagai pengarang syair, pengetahuan beliau dalam bidang agamalah yang patut kita perhatikan. Ajaran agama ini telah disampaikan dalam beberapa buah syair seperti “Syair Suluh Pegawai” dan “Syair Siti Sianah”.

Mengikut Abu Hassan Sham (1993:363) “Syair Siti Sianah”, pemiliknya ialah Raja Halimah Abdullah yang berasal dari Pulau Penyegat, Riau. Ia mengandungi beberapa ilmu dan amanah karangan al-Marhum Engku Haji Ali Ibnu al-Marhum Engku Haji Ahmad. Terdapat versi lain yang dikenali sebagai teks B yang diberi judul “Riwayat Diniah” yang dinamai juga sebagai “Jauharaatu’lMaknunah” iaitu “Syair Siti Sianah Sahibatu’l-fatwatu wa’lAmanah” dan saudaranya “Siti Dianatu’l-Masunah”. Sahlan Mohd Saman (1994:133) menyatakan “Syair Siti Sianah” ialah syair agama tetapi Raja Ali Haji menyampaikannya dengan cara bersahaja yang sesuai dengan masyarakat Riau pada ketika itu yang ‘semileterate’. Syair ini ditujukan bukan sahaja kepada pembaca yang elitis seperti keluarga-keluarga raja tetapi juga rakyat umum. Syairsyair tersebut kita lihat bukan sahaja disampaikannya secara pemerian tetapi juga cara berdialog. Dialog nampaknya lebih banyak digunakan dalam “Syair Siti Sianah” kerana syair tersebut disampaikan khusus melalui perbincangan antara watak-watak tentang hukum Islam. Dua watak terkemuka ialah Siti Sianah dan Siti Dianah. Mereka berbincang dengan sekumpulan suri rumah tangga yang lain seperti Cik Jamilah, Siti, Apipah, Cik Wan Upik, Siti Rubiah dan lain-lain tentang hukum-hukum wuduk, mandi, sembahyang, puasa, zakat dan sifat-sifat makmudah dan mazmumah dalam Islam.

Abu Hassan Sham (1993:145) menyatakan Syair Siti Sianah ditulis oleh penyalin yang sama menyalin Syair Suluh Pegawai (Teks C), jadi tahun yang tercatat pada naskah tersebut adalah sama dengan Teks C iaitu H.1333 (T.M1914). Keistimewaan naskah ini ialah terdapatnya catatan di bahagian awal naskah tersebut, yang antara lain ada menyebut nama pemiliknya iaitu Raja Halimah bt.Raja Abdullah. Selain daripada itu terdapat sketsa wajah Siti Sianah yang dicatatkan dalam dua rangkap syair seperti berikut;

Jika tuan belumnya pernah
melihat rupa Siti Sianah
inilah gambar Siti Aminah
Saudaranya bernama Siti Sianah.

Keduanya itu isteri pendeta
Ilmunya banyak sudahlah nyata
Bijak bistari petah berkata
Parasnya elok mengerna denta

(Abu Hassan Sham 1993: 363)

Terdapat juga catatan tempat naskah ini disalin iaitu 'Riau Pulau Penyegar Indera Sakti Kampung Tengah tempat berbuat bakti'. Abu Hassan Sham (1993:139) menyatakan Syair Siti Sianah pembacanya ditujukan kepada kaum wanita. Ia merupakan dialog antara sekumpulan suri rmahtangga membincangkan hukum-hukum agama. Terdapat dua jenis versi syair ini iaitu versi naskah dan versi cetak. Perkara-perkara yang terkandung dalam syair ini adalah mengenai "Hukum Syariah" dan "Ilmu Tasawuf. Sehubungan dengan itu pengkaji berpendapat unsur-unsur keagamaan yang hendak disampaikan dalam syair Siti Sianah ini berkaitan dengan ciri-ciri kelslaman yang dimiliki oleh watak utama dalam Wajah Seorang Wanita iaitu Siti Musalmah.

S. Othman Kelantan (1985:3) menyatakan novel sebagai satu bentuk cerita memaparkan kebenaran dan kehidupan realiti yang diadunkan dengan imaginasi, imitasi, ilusi dan fantasi. Semua

adunan itu diwujudkan melalui media bahasa sebagai alat untuk melukiskan kehidupan manusia. Sebagai mukadimahnyanya dalam bahagian III, Wajah Seorang Wanita, pengkaryanya S.Othman Kelantan telah melukiskan gambaran wajah ibunya yang cukup ideal dan mempesonakan seperti; “dengan tiba-tiba wajah ibuku terpacak dalam mataku! Kehadirannya adalah kewujudan sebuah gunung kasih sayang dan belaian kehidupan yang amat menyegar- bugarkan keluarga kami. Dan, setiap menjelang malam Jumaat, ibu datang memperlihatkan wajah permai dan murninya menghimpit dan membelai perasaanku. Mendesiskan kecintaannya terhadapku. Terhadap anak-anakku. Ibu tersenyum simpul tanpa kata-kata tetapi amat mesra. Penuh cinta. Wajahnya yang putih bersih dalam belaian ketenangan dan kesyahduan yang menakjubkan. Ibu ialah dewi kasih sayang. “(Wajah Seorang Wanita 2005: hlmn. 18)”

Demikian penghargaan dan sanjungan S.Othman Kelantan terhadap ibunya. Mohd Yusuf Hasan (2013:19) menyatakan novel Wajah Seorang Wanita bersifat peribadi. Novel ini adalah tentang dedikasi kepada perjuangan ibu yang bernama Siti Musalmah selepas menghadapi beberapa dugaan dan cabaran. Selanjutnya perbincangan akan difokuskan kepada beberapa jenis adab yang baik sebagai contoh seperti mana yang disarankan dalam Syair Siti Sianah dan ada kesepadannya dengan watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel yang dibincangkan.

Adab dan Perlakuan Sebagai Hamba dan Khalifah Allah S.W.T

Ani Haji Omar (2012:28) menyatakan para sasterawan adalah manusia yang penuh dengan impian, tetapi sebagai sasterawan Islam, impiannya harus dipandu oleh kebenaran berdasarkan al-Quran dan al-Hadis. Sehubungan itu setiap aspek dalam kehidupan di dunia ini haruslah berpandukan kepada suruhan Allah seperti mana yang terdapat dalam al-Quran, perkara-perkara tersebut termasuklah soal adab dan perlakuan. Adab merupakan akhlak. Ia berkaitan dengan tingkah laku serta tutur kata yang halus (sopan), berbudi bahasa, dan memiliki pekerti yang mulia. Selain itu

adab juga ditakrifkan sebagai sesuatu yang disandarkan kepada perkara yang dipuji samada dari sudut perkataan atau perbuatan.

Menurut Ibn 'Abd-Rabbih (Rosenthal, 1992) menegaskan bahawa keseluruhan adab mengandungi semua aspek tingkah laku manusia. Konsep tersebut, mengaitkan adab dengan keseluruhan tindak tanduk, perbuatan dan perlakuan manusia iaitu tindak tanduk yang tepat berasaskan ilmu mengenai kedudukan yang benar segala sesuatu dalam merencana ilmu dan kewujudan. Adab mempunyai beberapa ciri utama antaranya ialah, adab merupakan cerminan kepada keadilan, berdasarkan hikmah di mana meletakkan ilmu sebagai keutamaan tinggi, tumpu kepada aspek rohaniah dan aqliah insan, proses menerapkan adab dipanggil ta'dib atau pendidikan dan matlamat akhir adab ialah memperoleh kecemerlangan akhlak. Manakala tujuan adab adalah untuk melahirkan manusia yang baik dan mampu menahan diri daripada nikmat fizikal dan material dan yang menunjukkan kestabilan emosi pada raut muka gembira dan sedih dan segala kejadian yang lain dan juga tetap berada dalam keadaan yang tidak diganggu dan tidak aktif kecuali apabila sebab dan pemikiran menandakan keinginan atau keperluan kepada tindakan.

Abdullah Siddik (1980) telah mengaitkan adab sebagai satu dasar ('Ahkam al-Syari'ati') iaitu salah satu garis panduan yang sangat penting dalam kehidupan manusia di mana ia menjadi panduan ibu bapa, guru, pemimpin, masyarakat dan individu itu sendiri dalam mencorakkan warna hidup seseorang insan. Selain itu ia menjadi peranan penting dalam menilai buruk dan baik budi seseorang supaya menjadi insan yang akan mendapat ganjaran baik di dunia dan di akhirat. Selaras dengan Wajah Seorang Wanita, kertas kerja ini mengambil kira ajaran Islam sebagai tunjangnya yang utama di mana watak-watak penting yang digarabkan didapati menggalas dua peranan utama iaitu adab dan perlakuan sebagai hamba Allah SWT serta adab dan perlakuan manusia sebagai khalifah sesama manusia. Hakikat ini bertepatan dengan peranan sebagai hamba Allah SWT seperti yang dijelaskan dalam firmanNya yang bermaksud: "Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk mengadikan diri kepada-Ku (Allah)." (Surah azZarriyat:56).

Sementara itu, peranan manusia sebagai khalifah di bumi pula dijelaskan dalam firman-Nya yang bermaksud: "Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi." (Surah alBaqarah:30).

Adab Terhadap Kedua Ibu dan Bapa (Adabu'l walidaini)

Bagi seorang anak mengenang dan menghargai jasa ibu dan bapa adalah antara ciri manusia luhur dan lahir. Kewajipan ini tiada tepinya selagi hayat dikandung badan kerana merekalah yang mengandung, melahirkan, menyusui, mengasuh, mendidik, memberi nafkah dan mengasahi anaknya sepanjang hayatnya. Ismail Kamus (2009:34) menyatakan pengorbanan ibu dan bapa terhadap anak-anaknya tidak boleh dipertikaikan lagi. Tiada ganjaran wang ringgit dan harta benda yang dapat membalas pengorbanan mereka yang sedemikian besar. Oleh itu anak-anak haruslah menghormati ibu dan bapa. Perkara ini penting kerana ia adalah perintah Allah S.W.T. dan Rasulullah s.a.w, jika seseorang itu ingin hidup bahagia di dunia dan di akhirat. Antara sebab Nabi Muhammad sentiasa menegaskan kepentingan anak menyayangi ibu dan bapa mereka ialah kerana kasih sayang yang dicurahkan sentiasa kekal sepanjang masa. Mereka bukan sahaja sudi dan bermurah hati melayan anak-anaknya dan memberi kasih sayang, malah sanggup mengorbankan jiwa dan raga demi seorang anak. Kasih sayang itu bukan lakonan, tetapi bukti nyata bahawa kasih ibu dan bapa adalah sepanjang masa. Justeru, tuntutan berbakti kepada ibu dan bapa amat diutamakan dalam Islam. Jangan durhaka kepada kedua ibu dan bapa. Berbuat baik kepada mereka jangan bongkak, ikut perintahnya yang baik, melakukan kesukaannya tidak bermasam muka dan tidak buruk sangka. Hendaklah sentiasa merendah diri kepada kedua ibu bapa dan sentiasa mendoakan kesejahteraannya. Jangan angkuh dan takbur kerana doa ibu bapa cepat dimakbulkan oleh Allah. Di dunia mendapat celaka dan di akhirat masuk neraka; perkara ini diungkapkan dalam Syair Siti Sianah seperti rangkap berikut;

Adab kepada ibu dan bapa
Jangan sekali berbuat bongkak
Maksud yang benar jangan di sangkak
Ikut perintahnya jangan diagak
Rendahkan diri kepada keduanya
Dengan tilik rahmat sertanya
Mendoakan kedua dengan aktanya
Ya Rabbi kasihan keduanya

(Abu Hassan Sham 1993:429)

Demikian jasa dan peranan ibu, sebagai seorang anak sewajarnya mengucapkan terima kasih di samping berdoa demi kesejahteraannya yang tidak putus-putus, bukan sahaja kepada ibu tetapi juga kepada bapa. Perkara ini dijelaskan melalui firman Allah S.W.T. dalam Al-Quran seperti dalam Surah Al-Ahqaaf, Ayat 15 yang bermaksud: Kami perintahkan kepada manusia supaya berbuat baik kepada dua ibu bapanya. Ibunya mengandung dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah pula. (Khadim al Haramain asy Syarifain, 1990:824)

Melalui watak Siti Musalmah kepatuhan kepada kedua ibu dan bapanya dapat dikesan bermula daripada saat ia akan dikahwinkan dengan sepupunya Omar. Siti Musalmah tidak membantah malah menurut kata kedua ibu dan bapanya. Jodohnya telah ditentukan, maka ia ditunangkan dan dikahwinkan dengan Omar tanpa bantahan. "Siti Musalmah tidak boleh menolak. Dia harus menerimanya dengan penuh kerelaannya...dan tidak pernah membayangkan berkenaan kepada sesiapaupun, walaupun ada kemahuannya terhadap seorang lelaki yang setidak-tidaknya seperti ayahnya, lelaki alim dan tahu dalam selok belok agama". (Wajah Seorang Wanita 2005: hlm.72.)

Hanya doa anak yang salih antara bekalan untuk ibu dan bapa di alam barzakh. Beruntunglah ibu dan bapa yang mempunyai anak-anak yang berfikiran luhur dan lahir serta mendoakan kesejahteraan ibu dan bapa yang telah tiada. Muhammad Abdul Rauf (1997:108) apabila mereka jatuh sakit, mereka akan dikelilingi

orang yang menyayanginya dengan sebenar-benarnya. Apabila mereka meninggal dunia, mereka pergi dengan hormat dan dikenang dengan doa dan ingatan yang ikhlas. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: ‘Apabila seseorang itu mati, tiada lain yang menolongnya kecuali tiga perkara. Amal jariah yang berterusan yang pernah dilakukannya, ilmu yang berguna yang pernah disumbangkan, dan doa anak yang soleh.’” Demikian ibu dan bapa menjadi simbol kasih sayang dalam kehidupan berkeluarga, malahan diterjemahkan kecantikan Islam dan umatnya dengan sumbangan mereka yang dihargai tanpa batasan.

Adab Terhadap Saudara (Adab al-Ikhwan)

Adab bersaudara khasnya dengan adik beradik hendaklah sentiasa baik sangka, memaniskan muka dan sentiasa tolong menolong jika dalam kesusahan. Sentiasa memaafkan dan tidak mencari kesilapan. Saudara sendiri hendaklah sentiasa dimuliakan. Perkara ini jelas seperti rangkap-rangkap berikut;

Adab saudara adik dan kaka
Itu pun hendak diketahui juga
Setengah daripadanya membaikkkan sangka
Tatkala bertemu memaniskan muka

Marahkan dia dengan nasihat
Jangan dimaki jangan diumpat
Jika hatinya buntu dan tumpat
Bukakan dengan jalan makrifat.

Jika ia kurang sesuatu
Kepada kita adalah tentu
Hendaklah segera kita nan bantu
Adab saudara demikian itu.

(Abu Hassan Sham 1993:430)

Ajaran dalam Syair Siti Sianah ini jelas diikuti oleh Siti Musalmah sebaik ayahnya meninggal dunia. Siti Musalmah telah menjemput bukan sahaja ibu malah kesemua adik beradiknya untuk tinggal bersama-sama di rumahnya. Segala perbelanjaan ditanggung oleh suaminya tanpa rungutan. Jelas mereka memuliakan saudara sendiri. Perkara ini ada diungkapkan seperti berikut; "Siti Musalmah tidak susah lagi kerana adik-adiknya sudah berada bersamasamanya...yang amat membanggakan Siti Musalmah adalah tentang sikap suaminya Imam Omar tidak pernah bersungut tentang penanggungan yang diterimanya. Sememangnya tanggungan untuk makan minum dan pakaian terletak di atas pundak suaminya. Tetapi suaminya dengan riang gembira menerimanya tanpa sungutan dan bantahan walaupun dengan kerut dahinya. Malah suaminya pernah membisikkan sesuatu yang gembira dan menakjubkan". "Kalau ramai orang yang makan di rumah kita, tandanya Allah sayang kepada kita. Allah akan tambah rezeki kita. Jangan bimbang tentang ini." (Wajah Seorang Wanita 2005: hlmn. 148) Kebajikan dan adab yang patut dicontohi terhadap saudara mara seperti Siti Musalmah patutlah dicontohi. Walaupun sudah ketiadaan suaminya yang menjadi tulang belakang dalam keluarganya, Siti Musalmah tetap berusaha untuk menjaga dan menyara saudaranya yang tinggal di rumahnya sendiri; "Dia tahu tanggungjawabnya sekarang amat berat untuk mengenyangkan anak-anaknya, ciknya, adik-adiknya dan anak-anak saudaranya. Mereka perlu diberi makan percuma kerana mereka sebenarnya sebahagian daripada kehidupannya sendiri. Waktu gemulah suaminya masih hidup pun, mereka ini dibela dan diberi makan dan diberi pakaian." (Wajah Seorang Wanita 2005: hlm. 254)

Adab Ibu dan Bapa Mengasuh Anak (Adab al-Walidi)

Menjadi tanggungjawab bapa menghantar anak-anak menuntut ilmu, khasnya anak lelaki. Perkara-perkara yang tidak baik hendaklah dijauhkan daripada anak lelaki seperti menghampiri judi, perokok dan sebagainya. Hendaklah melarang anak bercakap bohong, berlaku sombong, berbahasa kasar, berkelakuan garang.

Tidak terkecuali juga kepada anak perempuan, mereka juga hendaklah menuntut ilmu. Jauhkan daripada bergaul dengan perempuan murahan. Jangan bercakap bohong, ketawa mengilai, dan melakukan perbuatan yang boleh mendatangkan fitnah orang. Sebaik-baiknya anak perempuan, dihantar mengaji dengan guru perempuan juga. Jangan biarkan anak perempuan tidur di rumah orang lain. Kesimpulannya kawalan ke atas anak perempuan adalah lebih ketat lagi. Bab mendidik anak ini telah dibincangkan dengan panjang lebar iaitu sebanyak 17 rangkap.

Adapun adab kepada anak
Nasihat dan ajar hendaklah pinak
Serahkan kepada alim yang tu nak
Supaya ilmu menjadi jinak.

Hendaklah pula anak dilarang
Tamakkan harta bendanya orang
Jangan dibiarkan kelakuan garang
Dengan kawan pemaarah pemberang

Apalagi anak perempuan
Hendaklah bersungguh menagajarnya tuan
Biasakan ia malu-maluan
Kepada laki-laki atau perempuan

(Abu Hassan Sham 1993:432)

Seperti halnya dengan Siti Musalmah dan suaminya yang tidak pernah mengabaikan didikan agama dan ilmu pengetahuan untuk anak-anak mereka. Ini digambarkan dalam episod berikut; “Yang amat dirasakan bahagia oleh Siti Musalmah ialah anakanaknya yang tiga orang itu. Muhammad sudah mulai pandai membaca Al-Quran daripada surah-surah muqaddam dan mulai pandai sembahyang di belakang abahnya.” (Wajah Seorang Wanita 2005: hlm. 104) Sebagai seorang suri rumah Siti Musalmah sentiasa memastikan anak-anaknya mendapat didikan agama yang secukupnya. Beliau

sendiri mengasuh anak-anaknya mengaji dan membaca al-Quran dan adakalanya diambil alih oleh suaminya dan tidak cukup dengan itu dihantar pula kepada tok guru yang lebih berpengetahuan; “seperti biasa, setiap pagi Siti Musalmah mengajar anaknya, Husain membaca al-Quran. Sebagai seorang ibu pengasih, Siti Musalmah mengasuh anaknya dengan budi pekerti yang mulia dan bersopan santun. Setelah agak tengah hari sedikit, kira-kira jam 9.00, Husain akan berada di anjung rumah ikut mendengar abahnya membaca kitab. Dan tiga hari seminggu Husain mengikut abahnya ke Pantai Dasar mendengar dan menadah kitab di bawah pengajaran tuktunya Haji Nik Abdullah. (Wajah Seorang Wanita 2005: hlm. 135) Memang menjadi tanggungjawab seorang ibu untuk mengasuh anak-anaknya dengan sebaik mungkin. Mohd Som Sujiman (2007: 55) menyatakan etika dan akhlak yang dijunjung oleh Islam dapat digambarkan apabila Islam meletakkan wanita pada kedudukan yang tinggi dan mulia. Ini kerana asas dan dasar yang dikehendaki oleh agama Islam ialah ingin menjadikan kaum wanita sebagai isteri yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendidikan anak-anak.

Adab Terhadap Hamba (Adabu’I- Mamluk)

Istilah hamba tidak lagi sesuai dalam konteks masa kini. Penggunaan hamba abdi tidak lagi diamalkan sekarang. Mungkin ia boleh digantikan dengan orang gaji. Mereka mestilah diberi makan minum dengan secukupnya. Tidak didera, hukuman mesti setimpal dengan kesalahan, jangan dibiarkan pemalas atau banyak tidur. Jika ia berjasa berilah pujian dan ganjaran.

Adab hamba sahaya begitu
Aturannya tuan hendaklah tentu
Makan minumannya jangan dicatu
Akhirnya sahaja menjadi hantu.

Jika ia ada berjasa
Rajin dan usaha sepanjang masa

Berilah ikram seberapa kuasa
Supaya ia menimbang rasa .

Jahat mulutnya hendaklah dilarang
Jangan bertutur sebarang-barang
Istimewa pula ia hadapan orang
Pekerjaan itu haramnya terang.

(Abu Hassan Sham 1993:434)

Sehubungan itu dalam novel *Wajah Seorang Wanita* telah digambarkan bagaimana adab dan perlakuan yang berhemah Siti Musalmah dan suaminya terhadap pekerja atau orang gaji yang bekerja dalam perniagaan kayu kayan suaminya. Setiap pekerja atau orang gaji dilayan dengan baik dan diberi kepercayaan. Dari seorang pekerja kini perniagaan mereka berkembang dan berlaku penambahan pekerja semuanya dilayan dengan baik; “sekarang bukan lagi enam tujuh orang yang menjadi kuli menggergaji kayu balak sebesar sepemeluk atau dua tiga pemeluk itu. Pekerjaanya sudah hamper 20 orang. Suaminya telah memakai seorang kerani sambilan yang diberi ganjaran tetap setiap minggu, iaitu Ismail anak abangnya, Muhammad Saleh. Selain daripada itu Mat, atau sekarang dipanggil Lebai Mat kerana dedikasinya kepada pelajaran agama, banyak menolong menyelesaikan urusan tulis menulis itu.” (*Wajah Seorang Wanita* 2005: hlmn. 163).

Kerana layanan yang baik lagi berhemah terhadap orang gaji, Siti Musalmah dan suaminya begitu disayangi oleh pekerja-pekerjaanya, buktinya seperti berikut; “Muhammad Saleh ini sangat kasih kepada suaminya. Segala pekerjaan yang berat-berat seperti mendirikan rumah, pekerjaan yang menuntut risiko seperti percubaan membakar kilang kayu atau menghalang laluan kayu di sungai oleh tuan punya perahu yang banyak, Mat Husin akan berdiri di hadapan. Dialah yang menerima segala susah payah sehingga semua laluan itu dapat berjalan dengan licin. Mat Husin menjadi “pahlawan” kepada suaminya. Sebab itulah, walaupun Ismail itu bukan cerdik sangat dalam kira-mengira, suaminya telah

melantiknya sebagai kerani sambilan. Walaupun secara sambilan, ternyata Ismail setiap hari berada di kilang...". (Wajah Seorang Wanita, 2005:hlm. 165)

Adab Isteri Terhadap Suami (Adab al-Zaujah 'ala al-zawaj)

Sebagai wanita contoh Siti Musalmah begitu taat kepada suaminya, sebaik sahaja ia diijabkabulkan. Ketaatannya lebih terserlah sebaik setelah melahirkan anak pertama, kedua dan seterusnya. Ini jelas seperti yang diungkapkan dalam perenggan berikut; Dengan penuh kasih sayang dan menyedari akan hakikat berumah tangga, Siti Musalmah mulai dapat menerima kenyataan bahawa dia seorang isteri dan seorang ibu dan seorang yang bertanggungjawab kepada sebuah keluarga. Keluarga itu akan membesar hari demi hari. Dan, apabila dia melahirkan anak yang kedua di dalam rumah yang didiaminya secara seperti mahu dengan tidak saja dulu itu, mulai dirasanya amat baik dan sesuai. Dan apabila anaknya yang ketiga dilahirkan lagi di rumah itu dan muncul pelbagai kegiatan, maka Siti Musalmah dapat merasakan kecintaannya tumbuh dengan subur dan utuh...sekarang, Siti Musalmah sudah dapat merasakan betapa bahagiannya dia bersama-sama suami dan tiga orang anaknya. (Wajah Seorang Wanita 2005: hlmn. 101).

Siti Musalmah juga amat menghormati dan menuruti nasihat suaminya dikala ia dirundung malang dan dukacita di atas kehilangan anakandannya yang tercinta. Nasihat suami dipatuhi dan menjadi penawar pada dirinya. Umpamanya perhatikan petikan berikut;"ujian besar ke atas kita sebagai ibu bapa," kata suaminya ketika itu. "Hanya emas tulen saja perlu diuji oleh tukang emas. Kalau suasa atau perak atau timah tidak perlu diuji ketahanan dan mutunya, kerana sudah jelas tidak bermutu. Untuk menentukan mutu yang baik, untuk mengetahui sebenar-benar emas sepuluh, emas tulen, maka perlu menjalani beberapa ujian yang besar. Selepas menjalani ujian itu, baharulah ternyata bahawa emas itu sebenar-benarnya emas. Kita wajib bersabar". (Wajah Seorang Wanita 2005: hlmn 134).

Selanjutnya Siti Musalmah bermuhasabah dirinya seperti monolog dalam dirinya seperti berikut; “Dan, penawar inilah menyebabkan dia boleh mendapat ketenangan setelah beberapa hari anak sulungnya itu meninggal. Dan, dia sendiri pun telah membuat pemikiran sendiri; kalau menangis keluar air mata darah sekalipun, anaknya itu tidak akan hidup kembali” (Wajah Seorang Wanita 2005: hlmn. 134).

Adab isteri terhadap suami dibincangkan cukup panjang dalam Syair Siti Sianah iaitu sebanyak 41 rangkap. Untuk mendapat keredaan di dunia dan di akhirat isteri mestilah mentaati suaminya. Jangan menyintai orang lain, sentiasa mengikut perintah suami. Minta izin dari suami walaupun ke rumah ibu dan bapa. Menjaga makan, minum serta tempat tidurnya. Jaga kesihatan dan kebajikannya, termasuk dengan saudara-maranya. Isteri tidak boleh bermegah dengan suami, jangan bertengkar atau melawan, jangan berbohong, jangan sombong dan takbur. Siti Sianah juga telah memberi contoh beberapa perlakuan isteri yang tidak senonoh sebagai panduan. Umpamanya apabila mendapat tahu suaminya beristeri lagi. Kesimpulannya dari bab ini isteri wajib mentaati suami selagi ia tidak bertentangan dengan suruhan Allah. Madahnya adalah seperti berikut;

Adab isteri serta suaminya
Beta nyatakan dengan terangnya
Amalkan dengan sungguh hatinya
Dunia akhirat selamat baginya

Perintah suami ikut semata
Sucikan tubuh janganlah leta
Kepada yang lain jangan dicinta
Janganlah pula panjang mata

Hendak berjalan minta izinnya
Jika tidak haram perginya
Meskipun ke rumah ibu bapanya
Begitu hukum syariat nabinya

(Abu Hassan Sham 1993:437)

Adab dan perlakuan Siti Musalmah menepati seperti syair di atas, Siti Musalmah sentiasa menghormati dan mentaati suaminya walau di mana ia berada; “suaminya tidak pernah bertanya khabar ke mana dia pergi dan bila akan pulang. Tetapi sebagai isteri, dia selalu memaklumkan ke mana dia pergi dan bila akan pulang dan meminta izin sebaik-baik saja hendak keluar rumah, apalagi jika jauh seperti Kuala Terengganu itu”. (*Wajah Seorang Wanita*, 2005: hlm. 175)

Kesetiaan dan ketaatan Siti Musalmah telah digambarkan begitu ideal sebagai seorang isteri. Beliau telah menjaga suaminya hingga ke hujung nyawanya; “Siti Musalmah segera hadir ke sisi suaminya. Melihat kehadiran isterinya, Imam Omar menghulurkan tangan sedangkan mulutnya mengucap dan beristighfar. Siti Musalmah mencium tangan suaminya dan mendakapnya dengan erat.” “Siti Musalmah berasa hati dan jantungnya carik-carik dan retak-retak setiap kali dia mendengar keluhan dan jeritan kecil dan mengucapkan nama Allah daripada mulut suaminya...” “Siti Musalmah menangis dan termangu-mangu setiap kali dia menjenguk melihat suaminya. Muka suaminya telah cengkung dan badannya susut sudah seperdua...belanja untuk mengubatkan suaminya jangan dikata lagi. Dia yang menjaga semua wang dan tahu bagaimana wang itu digunakan.” (*Wajah Seorang Wanita* 2005: hlmn 178).

Keimanan dan ketaqwaan Siti Musalmah haruslah dicontohi. Saat beliau diuji, pegangannya terhadap agama Islam berpandukan kitab suci Al-Quran tidak berbelah bahagi. Ini kerana Al-Quran itu sendiri adalah kekuatan. Mohd Radzi Othman (2003:156) menyatakan Al-Quran adalah Kalam Allah S.W.T yang merupakan wahyu yang diturunkan kepada manusia melalui Nabi Muhammad s.a.w. ia adalah kitab yang mengandungi hikmah dan mukjizat yang tinggi. Seharusnya semua umat Islam berpegang kuat dengan ajaran di dalam kitab suci tersebut.

KESIMPULAN

Sesungguhnya Islam itu agama yang mementingkan aspek-aspek kehidupan dunia dan akhirat. Nilai kemasyarakatan menjadi nilai yang penting dan utama di dalam Islam. Sebagai ad-Din, Islam adalah satu cara hidup yang lengkap. Penulis Islam menulis untuk mencapai keredaan Allah, jesteru itu, mereka menganggap penulisan atau kesusasteraan itu sebagai ibadah yang suci. Dengan sebab itu, mereka memanfaatkan cita-cita tersebut melalui karyanya. Sehubungan dengan itu melalui novel *Wajah Seorang Wanita*, Sasterawan Negara ke-9 S.Othman Kelantan telah menyampaikan dakwahnya secara tidak langsung menerusi watak-watak yang cukup ideal terutamanya watak Siti Musalmah, yang memiliki ciri wanita contoh yang patut diikuti dan diteladani terutamanya wanita masa kini. Adab dan perlakuannya sebagai seorang anak, kakak, isteri, ibu dan majikan patutlah dicontohi. Begitu juga halnya dengan Syair Siti Sianah karya Raja Ali Haji amat berguna, patut dibaca dan menjadi panduan hidup di dunia ini khususnya untuk kaum wanita Islam. Unsur-unsur teologi yang dicatatkan adalah mengikut sunah nabi dan perintah Allah. Jika diikuti selamatlah hidup di dunia dan di akhirat nanti.

RUJUKAN

- Abu Hassan Sham.peny. (1993). *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ani Haji Omar. (2012). *Esei dan Kritikan Kesusasteraan Melayu Alaf Baharu*. Tanjong Malim: Penerbit Mentari
- Hidayah Sultan Salim. (1988). *Wanita-Wanita Di Dalam Al-Quran*. Bandung: Dewan Pustaka Fajar.
- Ismail Kamus (2009) *Indahnya Hidup Bersyariat*. Selangor: Penerbit Telaga Biru Sdn.Bhd.
- Mohd Yusof Hasan (2013) *Ikon Kesusasteraan 11 Pemikiran Global Sasterawan Negara Malaysia*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Mohd Radzi Othman ed. (2003). *Warisan Al-Quran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Som Sujimon. (2007). *Fikah Kekeluargaan*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Rosnah Baharudin. (2012). *Pemikiran Sasterawan Negara S.Othman Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- S.Othman Kelantan. (1985). *Teknik Mengkaji Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- S.Othman Kelantan. (2005). *Wajah Seorang Wanita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka